

02 AUG 2002

Snap-Gantung/I

SNAP GANTUNG KETUA PEMUDA SERTA MERTA

KUCHING, 2 Ogos (Bernama) -- Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) telah menggantung Ketua Pemuda Dr Judson Sakai Tagal dengan serta merta atas dakwaan melanggar perlembagaan parti itu.

Presiden parti Datuk Amar James Wong Kim berkata Dr Judson digantung sebab merujuk dirinya selaku pemangku setiausaha agung Snap dan mengarahkan mesyuarat agung luar biasa (EGM) parti itu diadakan.

Pemanggilan mesyuarat itu pada 11 Ogos dibuat menerusi satu penerbitan dalam akhbar The Borneo Post dan Sarawak Tribune berturut-turut pada 20 dan 21 Julai.

Selain tindakan perundangan, Snap akan membuat laporan polis terhadap Dr Judson, kata Wong kepada pemberita selepas mempengerusikan mesuarat Majlis Eksekutif Pusat (CEC) hari ini.

Beliau berkata parti itu akan memberitahu penggantungan Dr Judson kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad selaku pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud selaku ketua BN Sarawak.

Wong berkata Snap akan meminta Abdul Taib melepaskan Dr Judson, yang juga Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi daripada kedudukan menterinya.

"CEC juga menggantung dua lagi anggota, Liew Ah Lek dari bahagian Kemena dan Tang Nguong Sit dari bahagian Repok," katanya.

Mengenai rancangan mengadakan EGM, Wong berkata mesyuarat itu tidak sah dan tidak mengikut perlembagaan.

"Tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka yang menghadiri mesyuarat itu," katanya.

Mengenai dakwaan bahawa terdapat mereka yang sedang berusaha untuk menjatuhkan presiden parti, Wong berkata CEC tidak gusar dan menyifatkannya sebagai satu jenaka.

Beliau berkata Perhimpunan Agung Tiga Puluh Tahunan parti itu pada Februari 2003 akan berjalan seperti yang dirancangkan dan kesemua 62 bahagian telah diarahkan mengadakan mesyuarat agung masing-masing tidak lewat daripada Disember tahun ini.

-- BERNAMA

RDY HM